

12 APR 1997

Muhammad - Kronologi

KRONOLOGI KES "WANG" MUHAMMAD

KUALA LUMPUR, 12 April (Bernama) -- Segala-galanya bermula apabila Tan Sri Muhammad bin Muhamad Taib ditahan oleh kastam Australia di Lapangan Terbang Brisbane pada 22 Dis lepas ketika hendak berlepas ke New Zealand bersama wang tunai yang nilainya bersamaan RM2.4 juta.

Wang itu dalam mata wang Malaysia, Singapura dan New Zealand telah tidak diisytihar oleh Muhammad kepada pihak berkuasa Australia yang menyalahi undang-undang negara itu.

Berikut adalah kronologi mengenai kes itu:

+ 22 Dis, 1996, Muhammad ditahan kemudian dibebaskan oleh Mahkamah Majistret Brisbane dengan ikat jamin atas namanya sendiri. Beliau dikehendaki hadir semula ke Mahkamah Persektuan pada 21 Mac, 1997.

+ 25 Dis, 1996, Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Selangor Datuk Abu Hasan Omar menghadap Sultan Selangor bagi menjelaskan mengenai kes Muhammad.

+ 25 Dis juga, Abu Hassan memberi penjelasan kepada Exco Kerajaan Negeri dan pemimpin Umno Selangor mengenai isu itu.

+ 28 Dis, 1996, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau berpegang kepada prinsip bahawa seseorang itu tidak bersalah sehingga dibuktikan kesalahannya.

+ 30 Dis, Muhammad membuat penjelasan bahawa wang yang dibawanya itu adalah milik tiga adik beradiknya yang berhasrat membeli hartanah di Gold Coast, Brisbane.

+ 30 Dis, 1996, Ketua Pengarah Badan Pencegah Rasuah Datuk Shafee Yahaya berkata BPR mungkin memanggil Muhammad untuk memberi penjelasan.

+ 30 Dis 1996, Sultan Selangor berkata kedudukan Menteri Besar itu hanya boleh ditentukan oleh Perdana Menteri.

+ 8.45 pagi 2 Jan, 1997, Muhammad bertugas semula selepas dua minggu bercuti di luar negara.

+ 2 Jan, Dewan Pemuda Pas membuat aduan polis terhadap Menteri Besar Selangor kerana membawa keluar sejumlah wang melebihi kadar yang dibenarkan oleh Bank Negara Malaysia.

+ 16 Mac, DAP Selangor mengadakan tinjauan pendapat rakyat mengenai kedudukan Menteri Besar Selangor berkaitan kes tersebut.

+ 7 April, 1997, kes Muhammad ditunda dari 21 Mac kepada 11 April untuk disebut di mahkamah.

+ 10 April, 1996, Perdana Menteri berkata BPR perlu menentukan kesahihan laporan yang mengaitkan Menteri Besar Selangor itu dengan dakwaan pemilikan hartanah di Australia.

+ 11 April, 1997, kesnya disebut di Mahkamah Majistret Brisbane. Mahkamah diberitahu bahawa selain tuduhan gagal mengisytiharkan wang itu Muhammad menghadapi satu lagi tuduhan iaitu membuat pengisytiharan palsu. Kesnya ditetapkan pada 19 Ogos ini. -- BERNAMA

HT MAI